

10 DEC 1997

KAMPUNG BUKU MENJADI TARIKAN BARU LANGKAWI

LANGKAWI, 10 Dis (Bernama) -- Kampung Buku Malaysia di Lubuk Semilang Ulu Melaka di sini menjadi tarikan baru kepada pulau peranginan ini setelah menerima kunjungan lebih 10,000 pelawat sejak dibuka Rabu lepas.

Pengarah kampung buku itu Haji Hashim Ismail hari ini berkata pengurusan kampung berkenaan mengatur pelbagai aktiviti untuk menarik lebih ramai pengunjung dalam dan luar negeri.

Katanya perjumpaan dengan pengusaha hotel, teksi dan agensi pelancongan akan diadakan bagi menggalakkan mereka membawa pelancong berkunjung ke kampung itu yang tidak mengenakan bayaran masuk.

Poster, risalah dan kalender akan turut disediakan untuk sebaran kepada orang ramai sebagai mempromosikan Kampung Buku yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Rabu lepas.

Kampung buku itu, yang pertama seumpamanya di negara ini, diilhamkan oleh Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan mempamerkan pelbagai jenis buku daripada penerbit dan pembekal terkemuka termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Darulfikir.

Hashim berkata buku-buku itu menyentuh pelbagai aspek termasuk kebudayaan, sejarah, sastera dan agama yang dijual dengan harga berpatutan. Terdapat juga buku sastera dan sejarah yang telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris untuk memperkenalkan hasil karya tempatan kepada pelancong asing.

Bagi pelajar pertandingan mewarna dan bercerita akan terus diadakan untuk menarik minat mereka berkunjung ke kampung itu, katanya. -- BERNAMA

ZI NMO